

# Dari RM3 seminggu cecah 4 angka

Mulanya Angeline bergerak secara diam-diam jalankan perniagaan produk Tupperware Brands elak diketahui suami



>>Oleh Nor Faizah Mohamed  
faizah@hmetro.com.my

**A**NGELINE L Lidwin sama sekali tidak menyangka perniagaan salun kecantikan yang diusahakannya selama ini tidak mampu bertahan lama berikutan krisis ekonomi yang melanda negara lebih 13 tahun lalu.

Ditambah dengan pemindahan suaminya yang turut terjejas teruk, Angeline sekeluarga terpaksa berpindah ke rumah yang lebih kecil dan mereka anak beranak tidur di atas tilam yang sama kerana tidak mampu membeli perabot lain.

"Ketika itu, saya dan suami bergelut mencari wang bagi menampung perbelanjaan keluarga. Tiada lagi barang mewah, malah kami juga tidak mampu menyediakan barang keperluan untuk anak," katanya.

Daripada seorang wanita

berkerjaya yang biasa mempunyai wang poket sendiri, Angeline terpaksa memulakan semula langkahnya dalam perniagaan dengan menyediakan khidmat solekan dan mendandan rambut secara kecil-kecilan.

"Saya sudah biasa mempunyai wang sendiri tapi dalam sekejap mata hampir hilang segala-galanya hingga ke satu tahap keadaan terlalu buruk dan kami hidup serba kedaifan.

"Disebabkan saya mempunyai asas dalam solekan dan dandan rambut, saya cuba menghubungi semula pelanggan lama dan menawarkan khidmat dengan bayaran serendah RM3. Dengan hasil itulah saya membeli makanan untuk keluarga. Itu saja yang terdaya saya lakukan ketika itu," ujar wanita berusia 55 tahun itu.

Kata wanita berasal dari Kota Kinabalu, Sabah itu keadaan kesihatan anak bongsunya, Neal Douglas C Albanus serta dirinya juga tambah memburukkan

keadaan kerana perlu sentiasa mendapatkan rawatan dan bekalan ubat dari hospital.

"Anak bongsu saya memerlukan perhatian khusus kerana aktif melampau serta lemah minda dan kami perlu mengeluarkan banyak belanja untuk menghantarnya ke sekolah khas."

"Saya pula pernah menjalani 15 pembedahan secara keseluruhan, tiga daripadanya ialah pembedahan ketika melahirkan anak manakala selebihnya disebabkan masalah sinus, ulser, leher dan beberapa masalah lain membabitkan bahagian dalaman tubuh.

"Dengan sumber kewangan yang terhad, saya tidak mampu untuk kerap ke hospital dan hanya berusaha mengelak masalah itu berulang dengan hindarkan kerja berat," katanya.

Peluang untuk mengubah nasib keluarganya mula muncul pada Disember 2007 kala dia mencari bekas simpanan makanan yang sesuai untuk anak bongsunya itu.

"Saya mencari bekas makanan dan minuman yang selamat dan mudah digunakan. Saya akhirnya membeli produk Tupperware Brands kerana tertarik dengan kelebihannya dan ia benar-benar tahan lama.

"Daripada situ, saya diminta menjadi ahli dengan bayaran RM60. Mulanya agak sukar mengeluarkan wang sebanyak itu memandangkan ia boleh dijadikan belanja makan kami

anak-beranak selama seminggu.

"Selepas difikirkan semula, saya terus mendaftar menjadi ahli tapi membayar wang pendaftaran itu secara ansuran. Suami langsung tidak tahu kerana saya bimbang dengan reaksinya.

"Jadi, saya bergerak secara diam-diam dan mula menghubungi jiran serta rakan lama untuk mengadakan parti Tupperware Brands di kediaman mereka," kata Angeline.

Namun, ia tidaklah mudah yang disangka kerana ramal juga yang skeptikal dengan perniagaannya. Lebih buruk apabila ramal rakan lama mula menjauhkan diri daripadanya.

"Dulu saya sendiri pernah berfikir sempit mengenai jurujual produk seperti ini. Ramal yang terkejut dengan perubahan perniagaan saya, malah ramal juga yang memandang negatif.

"Permulaannya memang sukar. Saya sendiri agak pemalu untuk melakukan perbualan dengan orang asing, inikan pula bercerita mengenai produk dan cuba menjualnya kepada mereka.

"Saya suarakan kesukaran ini kepada pihak syarikat dan mereka banyak membantu saya dengan memberikan pelbagai kursus untuk ahli baru. Apabila saya mula dapat menyesuaikan diri, barulah saya berani mencertakan mengenai perniagaan Tupperware Brands ini kepada suami dan dia menyokong penuh aktiviti yang saya lakukan

FOTO | Supiwan Ahmad



ANGELINE (INSPIRA06).....XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

ini. "Saya juga makin seronok mengadakan parti Tupperware Brands di rumah jiran dan saudara-mara. Daripada RM3 seminggu, kini pendapatan bulanan saya mencecah empat angka dan saya sudah mampu membantu suami menyara perbelanjaan keluarga.

"Saya sudah mampu membeli apa jua yang saya ingini, pakaian cantik, makanan enak dan barangan keperluan untuk seluruh isi rumah. Malah saya juga bangga kerana hasil jualan Tupperware Brands ini dapat membantu mengembangkan perniagaan suami," katanya.

Jika anda memiliki kisah benar yang mampu menjadi dorongan bagi wanita sama ada kisah peribadi atau teman, e-mel kami di [myinspira@tupperware.com](mailto:myinspira@tupperware.com) untuk memenangi Anugerah Wanita Inspira Tupperware Brands (Bahagian Pembaca) dan juga lawatan ke Korea Selatan.

Jika kisah ini mejadi insprasi bagi anda, sila undi dan menang hadiah sumbangan Tupperware Brands berjumlah RM50,000. Hadiah minggu ini ialah **Fridge & Freezer Essential** (gambar di bawah) bernilai RM137



Sila taip

<tupperware><jarak><anugerah><jarak>

<inspira06><jarak><nama anda><jarak><negeri

anda> hantar sms ke 32300.

Cth: tupperware anugerah inspira06 Anita Sofia Selangor.

RM0.60 akan dikenakan untuk setiap SMS. Kadar caj biasa telco dikenakan.

Tingkatkan taraf hidup anda dengan



Tupperware

Brands

Memperkayakan • Mendidik • Mencerikan

Sertailah ribuan wanita Malaysia dan lebih 2 juta di serata dunia yang telah berjaya bersama Tupperware Brands. Tel: 1 800 88 3456 [www.tupperwarebrands.com.my](http://www.tupperwarebrands.com.my)

Tupperware®

naturcare®

BEAUTICONTROL

TUPPERCHEF

Tupper Clean